

Pengajaran Penulisan Naratif Secara Inovatif

Zuraidah Mohd Ariff

zuraidah_mohd_ariff@schools.gov.sg

Sekolah Menengah Greendale

Abstrak

Penulisan karangan naratif merupakan antara kemahiran yang sukar dikuasai pelajar. Para pelajar sering didapati kurang berupaya mengembangkan idea dan mengolah plot dengan baik. Oleh demikian, pengajaran penulisan karangan naratif perlu dirancang dan dilaksanakan dengan baik bersesuaian dengan keperluan pelajar. Dalam pakej pembelajaran karangan naratif ini, bahan-bahan pengajaran yang disediakan bertujuan untuk merangsang pemikiran pelajar berdasarkan klip video dan menggunakan rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya. Selain daripada itu, unsur drama juga diterapkan untuk menggalakkan pengalaman yang bermakna dan perbincangan yang mendalam. Pengajaran yang berpusat pada tema dipilih sebagai sebahagian daripada proses pembelajaran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa prestasi para pelajar meningkat secara tekal. Para pelajar bukan sahaja dapat memikirkan plot yang tersusun, malah dapat menulis dengan lebih yakin.

Kata Kunci: penulisan, klip video, rutin berfikir, drama, tema, penguasaan bahasa



PENGENALAN

Penulisan karangan naratif merupakan satu pilihan yang popular dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah. Ramai yang akan memilih karangan naratif kerana pendedahan awal mereka di peringkat sekolah rendah. Tambahan pula karangan naratif dianggap lebih mudah jika dibandingkan dengan karangan ekspositori. Perkara yang menjadi cabaran bagi guru ialah melatih pelajar dalam menghasilkan karangan naratif yang baik. Untuk mencapai matlamat ini pelajar perlu dilengkapi dengan kemahiran menulis dan berfikir secara inovatif. Menurut Albert Szent-Gyorgyi (1893-1986), inovasi ialah kebolehan untuk melihat apa yang dilihat oleh semua orang tetapi mempunyai pemikiran yang berbeza daripada yang ramai. Untuk mencapai matlamat ini, ruang dan peluang untuk pelajar berkarya perlulah disediakan.

PERNYATAAN MASALAH

Percubaan untuk menyesuaikan diri di sekolah menengah dan menepati tuntutan akademik memang suatu pengalaman yang mencabar bagi seseorang pelajar yang baru sahaja melangkah masuk ke Menengah 1. Hal ini ditambah lagi dengan tuntutan akademik yang tinggi, di mana para pelajar perlu mengambil sehingga sembilan mata pelajaran. Dari sudut penulisan bagi subjek Bahasa Melayu pula, para pelajar dikehendaki menulis esei pelbagai genre. Jika dahulu, selain daripada menulis karangan berdasarkan tajuk, mereka juga menulis karangan berdasarkan gambar bersiri. Kini, mereka dikehendaki menjawab dua soalan, pertama dalam bentuk format e-mel dan kedua, menulis karangan jenis deskriptif, ekspositori atau naratif. Memang tidak dapat dinafikan bahawa hal ini merupakan perkara yang mencabar bagi pelajar. Oleh yang demikian, timbul keperluan bagi guru merencanakan pakej pembelajaran untuk membantu pelajar dalam menjawab soalan-soalan yang terdapat dalam Kertas 1.

Masalah ini akan menjadi bertambah rumit jika pelajar kurang didedahkan terhadap isu-isu semasa termasuk sosial, pendidikan, remaja dan lain-lain lagi. Kerumitan ini kian memburuk jika pelajar tidak mempunyai tabiat membaca. Sudah pasti ini akan menjadi satu hambatan bagi seseorang pelajar untuk menghasilkan karangan bermutu. Hal ini dapat dilihat melalui plot karangan yang lemah, idea yang tidak dikembangkan, gaya bahasa yang kaku dan kosa kata pelajar yang terhad. Atas sebab inilah, guru perlu menilai semula pelajaran yang sedia ada dan merombak semula bahan pengajaran agar dapat merangsang minat menerusi aktiviti-aktiviti yang bermakna dan menyeronokkan.



TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. merangsang daya pemikiran pelajar dengan menggunakan klip video dan rutin berfikir Menjadikan Pemikiran Jelas; dan
2. memperkaya pengalaman pembelajaran pelajar melalui teknik drama untuk mendalami konflik.

KAJIAN LEPAS

Menurut Bigelow, Ranney dan Dalhman (2006), apabila para pelajar diberikan peluang untuk membina pengetahuan melalui pembelajaran yang bertema, mereka dapat membina pengetahuan kandungan mereka dan meningkatkan kebolehan berbahasa mereka. Freeman dan Freeman (2006) dalam kajiannya mencadangkan agar guru perlu memilih tema yang berkaitan dengan pengalaman pelajar kerana pelajar lebih cenderung untuk berusaha apabila kandungan dianggap relevan pada diri mereka.

Bagi meningkatkan kemahiran berfikir, Ritchhart (2011) berpendapat, rutin berfikir seharusnya digunakan sebagai alat untuk membantu pelajar membina kemahiran berfikir dan bukan sekadar dilaksanakan hanya sebagai rutin semata-mata. Rutin berfikir ini dapat membantu pelajar dalam penulisan mereka.

Aktiviti drama juga boleh digunakan sebagai strategi pengajaran atau alat untuk membantu pembelajaran penulisan naratif. Improvisasi atau pengubahsuaian melalui drama mengajak para pelajar untuk menghidupkan watak dalam cerita mereka. Pengalaman ini memberikan sumber idea dalam membentuk sebab akibat yang kemudian dapat memandu dalam proses penulisan. Konflik yang telah dikembangkan dapat digunakan untuk memindahkan idea-idea tersebut dalam bentuk penulisan (Peregoy dan Boyle, 2008).

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini merupakan satu Kajian Pengajaran yang bermatlamat untuk meneliti sejauh mana langkah-langkah pembetulan berjaya membantu pelajar dalam penulisan karangan naratif. Data yang dikumpulkan ialah data kuantitatif daripada tugas penulisan pelajar sepanjang tahun. Data-data ini dijadikan bahan perbandingan untuk menguji keberkesanan teknik pengajaran. Selain itu, Amalan Pengajaran Singapura turut diterapkan dalam prosedur kajian.



Bagi penerapan elemen-elemen Amalan Pengajaran Singapura (STP), sila lihat Jadual 1.

Jadual 1: Penerapan Amalan Pengajaran Singapura (STP)

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Perlaksanaan Pelajaran	AP14: Merangsang Minat AP 17: Memberikan Penerangan Yang Jelas	AM1: Menggunakan Cerita dan Imej sebagai set induksi pengajaran, guru memainkan klip video untuk merangsang minat pelajar. AM 5: Menggunakan Penyusun Grafik Penyusun grafik digunakan untuk membantu pelajar melihat secara visual perkara-perkara yang diajarkan seperti sebab dan akibat serta dapat memperlihatkan proses pemikiran pelajar.
Penilaian dan Maklum Balas	AP24: Menyediakan Tugas Yang Bermakna	AM3 : Latihan untuk Menguasai Guru perlu memastikan tugas yang diberikan mendatangkan makna bagi pelajar untuk membantu mereka dalam penulisan karangan. Tugas tersebut perlu ada kaitan dengan apakah yang telah diajarkan di dalam kelas.
Penerangan dan Justifikasi	Menurut Mayer (2001), menonton klip video melibatkan aktiviti kognitif tinggi yang diperlukan untuk pembelajaran aktif. Menurut teori Kecerdasan Pelbagai Gardner (2006), keupayaan individu untuk belajar bergantung pada lapan kecerdasan seperti linguistik, logik matematik, kinestetik, interpersonal dan intrapersonal. Oleh itu penggunaan penyusun grafik menyokong pembelajaran di dalam kajian ini.	

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada 33 orang pelajar Menengah 1 Ekspres. Mereka mempunyai tahap penguasaan bahasa Melayu yang sederhana dengan skor-T PSLE secara purata pada agregat 200 di mana 97% pelajar mendapat A untuk Bahasa Melayu. Pengajaran penulisan karangan naratif ini ditadbirkan dalam kelas sepanjang tiga penggal yang melibatkan lebih kurang 10 sesi. Sila rujuk jadual 2 untuk butiran terperinci.

Jadual 2 : Jangka Masa Pengajaran Penulisan Naratif

Sesi	Masa	Aspek penulisan	Topik	Tema
1	T1W3	Panduan menulis struktur plot	Persahabatan	Merokok
2	T1W4	Pendahuluan		Gangsterisme
3	T1W5	Perwatakan		Pembulian
4	T1W7	Konflik	Keluarga	Pemiutang haram
5	T2W2	Konflik - Drama		Keganasan
6	T2W3	Klimaks - Drama	Individu	Remaja nakal
7	T2W4	Penutup		Penyalahgunaan dadah
8	T3W2	Perasaan	Hubungan Berjiran	Gotong-royong
9	T3W4	Sebab Akibat		Perayaan
10	T4W1	Analisa penulisan	Mengulangkaji untuk EOY	

Instrumen Kajian

Terdapat beberapa jenis instrumen kajian yang digunakan sepanjang sepuluh sesi ini. Fokus utamanya ialah rutin berfikir. Penilaian praujian dan pascaujian juga dijalankan untuk memantau pemahaman dan pencapaian pelajar. Soalan-soalan karangan yang bertema juga digunakan untuk meneliti sejauh mana pelajar dapat menggarap pembelajaran mereka. Penyusun grafik juga digunakan untuk memastikan pelajar dapat mengaplikasikan apa yang telah diajarkan kepada mereka. Teknik drama juga digunakan bagi meninjau pemahaman pelajar.

Prosedur Kajian

Satu ujian diagnostik telah dijalankan untuk mengenal pasti tahap kebolehan dan penguasaan pelajar dalam penulisan berdasarkan tajuk. Pelajar diberikan masa untuk membuat lakaran dan perancangan. Perkara ini dilakukan untuk meninjau pengetahuan sedia ada pelajar dalam penulisan naratif. Dapatan hasil kerja pelajar menyangkal andaian bahawa pelajar lepasan sekolah rendah tidak mempunyai pengetahuan tentang pembinaan plot. Ada antara mereka melakarkan peta minda dan menulis butiran tentang peristiwa secara kronologi. Hal ini memberi gambaran yang jelas kepada guru tentang kesediaan pelajar untuk menerima pembelajaran baru.



Sebagai set induksi bagi setiap pengajaran, guru memainkan video untuk merangsang minat pelajar. Menurut Mayer (2001), walaupun menonton video boleh dilihat sebagai aktiviti yang pasif, tetapi ia melibatkan aktiviti kognitif tinggi yang diperlukan untuk pembelajaran aktif. Menurut teori kecerdasan pelbagai Gardner (2006), keupayaan individu untuk belajar bergantung pada lapan kecerdasan seperti linguistik, logika matematik, kinestetik, interpersonal dan intrapersonal. Kecerdasan tersebut dapat dirangsang melalui aktiviti menonton video yang relevan. Memang tidak dapat dinafikan, para pelajar gemar menonton video. Disusuli pula dengan perbincangan, pembelajaran akan menjadi lebih bermakna.

Lanjutan daripada aktiviti menonton video, para pelajar perlu berbincang dengan pasangan mereka menggunakan rutin berfikir. Fikir-Berpasangan-Berkongsi dan Lihat-Fikir-Tanya untuk menerangkan apa yang mereka lihat dalam video dan fahami secara mendalam akan kandungannya. Kemudian, para pelajar berkongsi pandangan dan tafsiran tentang sebab musabab sesuatu peristiwa berlaku. Akhirnya, mereka meletakkan diri dalam perspektif watak yang berbeza untuk merungkai kerumitan yang tersirat dalam emosi watak tersebut.

Pada peringkat permulaan, guru lebih cenderung untuk pelajar melengkapkan lembaran kerja yang disediakan daripada mengajak pelajar-pelajar berfikir. Berdasarkan pemerhatian, ramai pelajar memberi respons mudah atau secara permukaan sahaja. Hal ini dapat ditangani dengan guru bertanyakan soalan rangsangan atau mendapatkan pelajar berkongsi pemikiran yang lebih mendalam. Apabila aktiviti rutin ini sudah menjadi kebiasaan, guru mengalihkan perbincangan kepada aspek penulisan yang menyentuh tentang dilema, konflik dalaman, unsur suspens yang terdapat dalam klip video. Perkara yang boleh diperbaiki lagi adalah mengekalkan budaya pemikiran ini menjadi suatu kebiasaan sehingga pelajar tidak perlu digesa oleh guru untuk memberikan pandangan. Para pelajar mencatat perbincangan dalam penyusunan grafik agar penerangan mereka lebih jelas dan tersusun seperti yang tersedia di bawah.



Jadual 3: Contoh Hasil Kerja Pelajar Berdasarkan Penyusun Grafik

Lihat - isu penting dalam video...	<ul style="list-style-type: none"> • Jiran mendapati pagar rumah sudah dibetulkan. • Ayam kampung dijumpai dan peti surat dibetulkan. • Tiga budak sekawan ingin mencari 'bat-man'. • Mereka sengaja merosakkan papan tanda dan menunggu siapakah yang akan membaikinya. • Mereka mengikut 'bat-man' dan memberitahu mak cik 'bawang' lalu dia menyebarkan berita melalui media sosial.
Fikir-semasa menonton video saya fikir...	<ul style="list-style-type: none"> • Sesiapa yang membaiki kerosakan itu seorang yang baik hati. • Rancangan mereka agak bahaya kerana budak-budak itu boleh diculik pada waktu malam. • Tidak logik kerana, bagaimanakah mereka boleh mendapat kunci rumah 'bat-man'?
Tanya – apa soalan yang saya ada ...	<ul style="list-style-type: none"> • Memberitahu makcik dan menyebarkan melalui media sosial • Mengapakah mereka lakukan sedemikian?
Jika saya watak tersebut saya pasti	<ul style="list-style-type: none"> • Jika saya watak tersebut, saya pasti akan berasa gembira kerana jiran tetangga prihatin tentang diri saya akhirnya. • Watak kanak-kanak - perasaan ingin tahu kerana mereka ingin mengetahui siapa yang membaiki pulih barang-barang yang rosak di kampung itu. • Mak cik 'bawang' – terperanjat kerana tidak sangka pak cik itu yang menolongnya selama ini.


Untuk membantu pelajar, pengkaji menggunakan struktur plot konvensional Aristoteles yang menekankan kepentingan permulaan, pembinaan watak, konflik, klimaks dan akhirnya peleraian. Menerusi pakej pengajaran karangan naratif, para pelajar mempelajari teknik pembinaan plot secara berperingkat. Pada awalnya, guru memberikan garis pandu menulis struktur plot disusuli dengan pelbagai cara untuk memulakan karangan. Seterusnya, meneliti watak dan perwatakan dan seterusnya diikuti dengan konflik dan klimaks. Dengan mencatatkan setiap perincian dalam setiap peringkat pembinaan plot, para pelajar dapat melihat keterikatan dan memastikan aspek-aspek penulisan tersebut difikirkan dan disusun dengan kemas.

Guru menerapkan unsur drama dalam pengajaran pembinaan konflik dan klimaks. Dengan penerapan unsur drama, pelajar-pelajar lebih terlibat dan dapat menggunakan senario yang sebenar dan mengaplikasikannya dalam membina jalan cerita. Pada awalnya, guru menyediakan skrip dan seterusnya mengajak pelajar untuk melakonkannya. Sebagai aktiviti susulan pula, pelajar pula harus menulis skrip berdasarkan senario dan tema yang diberikan dan melakonkannya di hadapan kelas. Malangnya, hal ini kurang berkesan dan



agak superfisial kerana pelajar lebih terpenggil untuk membaca skrip sahaja. Maka, langkah intervensi dilaksanakan untuk memperbaiki pengajaran drama.

Rajah 1 : Langkah-langkah Pengajaran Drama



Pada sesi yang seterusnya, guru memperkenalkan teknik improvisasi yang melibatkan guru memberi senario konflik yang ingin ditonjolkan. Selepas menetapkan watak dan latar tempat, para pelajar berlakon secara spontan. Hal ini boleh dicapai dengan menjelaskan terlebih dahulu sinopsis cerita. Kemudian, ia diikuti dengan sesi soal jawab menggunakan teknik 'kerusi panas'. Pada saat ini, guru dan pelajar lain boleh bertanya sebab mengapa seseorang watak itu mengujarkan dialog-dialog atau melakukan tindakan tertentu, termasuk pemikiran dan dilema yang dihadapinya. Selepas aktiviti tersebut, sesi forum pula diadakan di mana para pelajar boleh bersoal jawab dan memperbaiki plot yang dibentangkan kumpulan. Menerusi pendekatan drama, pelajar berasa lebih seronok dan terlibat. Mereka kelihatan terhibur dan bersungguh-sungguh memikirkan plot serta dialog yang sesuai. Antara cabaran yang perlu dilalui ialah faktor masa dan kesediaan para pelajar untuk bersikap terbuka. Walaupun guru cuba menyediakan budaya pembelajaran yang positif, ada kalanya pelajar berasa malu untuk tampil ke hadapan. Tambahan lagi, perbincangan begitu rancak sehinggakan kelas menjadi bising. Perlu ditekankan di sini, bahawa guru perlu bijak mengatur tempoh pengajaran

dan bersikap fleksibel memberi ruang untuk pelajar meneroka dan membuat kesilapan.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa penulisan ialah proses yang kompleks. Untuk membantu pelajar dalam penulisan mereka, guru perlu menyediakan tugas yang bermakna. Tugas tersebut perlu ada kaitan dengan apa yang telah diajarkan di dalam kelas. Sekiranya di dalam kelas mereka menjalani pengajaran cara-cara memulakan karangan, maka tugas yang harus dilengkapi pelajar adalah menulis perenggan permulaan menggunakan teknik-teknik yang diajarkan. Lanjutan daripada itu, para pelajar perlu mencatatkannya dalam lembaran kerja yang diberikan dan kemudian melengkapkan latihan-latihan bahasa yang berkaitan dengan artikel tersebut. Tema yang dipilih haruslah dekat dengan jiwa remaja agar mereka teruja untuk membacanya.


Dalam proses menulis karangan naratif pula, guru menetapkan jangkaan tinggi terhadap pelajar dan memastikan teknik penulisan yang diajarkan dapat diaplikasikan. Menyediakan tugas yang bermakna amat penting kerana bahan-bahan ini harus berupaya menyokong pembelajaran secara sendiri. Nota-nota yang sesuai, contoh karangan yang berkualiti, latihan-latihan bahasa haruslah relevan agar dapat membantu para pelajar menguasai aspek penulisan tertentu mengikut tahap kecekapan masing-masing. Pemantauan serta maklum balas secara lisan dan bertulis terhadap penulisan para pelajar turut membantu mereka untuk meningkatkan mutu penulisan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Setelah mengikuti pengajaran selama sepuluh sesi, prestasi pelajar dalam penulisan telah meningkat. Dapatan kajian menunjukkan melalui data kuantitatif yang mengambil kiraan purata gred pelajar menunjukkan ada peningkatan yang nyata. Kiraan purata yang tertera di carta ini menjumlahkan kesemua gred pelajar. Kemudian, jumlah tersebut dibahagi dengan jumlah pelajar yang ada iaitu 33 pelajar. Markah penuh bagi karangan ialah 40 markah.



Rajah 2: Markah Purata Pencapaian Keseluruhan Pelajar



Berdasarkan pencapaian keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa para pelajar memperoleh peningkatan markah karangan yang konsisten pada kitaran yang pertama. Nampaknya, proses penulisan yang diajarkan membantu pelajar menulis isi dengan matang. Mereka bermula di peringkat 21.5 markah secara purata dan meningkat kepada 23.5 markah. Markah tertinggi yang dicatatkan ialah 30 markah sementara yang paling rendah ialah 14 markah. Pelajar akan digagalkan sekiranya jawapan mereka tidak menepati soalan.


Kelakonan pelajar turun mendadak sehingga mencecah 20.5 markah sekembali daripada cuti persekolahan. Ada beberapa faktor yang mempengaruhi hal ini. Pertama, masa rehat yang panjang menjadikan para pelajar terlupa akan kemahiran penulisan yang telah diajarkan. Faktor kedua ialah prestasi pelajar amat bergantung pada tema dan kehendak soalan yang diberikan. Soalan karangan naratif untuk sesi penulisan tersebut berbentuk begini. '*Tulis sebuah cerita di mana kamu menolong salah seorang ahli keluarga kamu yang dalam kesusahan*'. Para pelajar gagal memikirkan situasi di mana seseorang ahli keluarga mereka dilanda kesusahan dan bagaimana mereka menolong ahli keluarga mereka itu keluar daripada penderitaan tersebut. Kesemua plot yang diutarakan menunjukkan peristiwa di mana watak menolong ahli keluarga tetapi penyelesaian yang diberikan langsung tidak masuk akal.

Untuk mengatasi hal ini, guru menganalisis plot karangan pelajar di dalam kelas dan menekankan tentang unsur logika dan sudut pandangan yang

berbeza. Guru juga mengajak pelajar menyenaraikan plot cerita yang sesuai bagi soalan itu. Dalam sudut yang lain, hasil dapatan ini agak membimbangkan kerana secara tidak langsung ini menunjukkan para pelajar belum mempunyai kematangan yang sewajarnya untuk menangani isu-isu berkaitan dengan tema keluarga. Terdapat perkara-perkara lain yang mempengaruhi pemikiran dan pengalaman remaja dalam isu berkaitan dengan keluarga. Antaranya ialah persepsi mereka terhadap peranan mereka dalam keluarga masing-masing dan jangkaan ibu bapa terhadap peranan belia itu sendiri.

Setelah langkah intervensi dijalankan, para pelajar lebih yakin apabila menulis karangan naratif. Jika dilihat secara positif, prestasi para pelajar menunjukkan peningkatan yang baik. Bermula dari 21.5 markah secara purata pada awal tahun dan melonjak naik kepada 24.3 markah pada akhir tahun. Antara kesan positif yang amat ketara ialah jalan cerita para pelajar mempunyai isi yang lebih matang dan konflik cerita yang ditonjolkan lebih tegang dan menyeluruh. Hal ini membuktikan bahawa pendedahan pada pelbagai tema menerusi klip video dan bahan bacaan berupaya merangsang daya pemikiran pelajar sekaligus hal ini mewarnai penulisan pelajar.

Rajah 3 : Respons Pelajar tentang Pakej Pengajaran Karangan Naratif



Secara keseluruhan, aktiviti pembelajaran yang dirancang dan dilaksanakan merangsang penjanaan idea dan memupuk sikap positif dalam diri pelajar. Perkara ini dapat dilihat melalui respons pelajar terhadap soalan-soalan tinjauan yang diberikan pada akhir sesi pembelajaran. Rata-rata, para pelajar lebih yakin menulis karangan dan seronok mengikuti pembelajaran karangan naratif. Namun, segelintir daripada mereka berasa bahawa penyusun grafik sesuatu yang membebankan. Hal ini ada kaitan dengan gaya



pembelajaran secara individu. Hasil dapatan ini konsisten dengan pencapaian pelajar semasa peperiksaan di mana pelajar-pelajar yang tidak membuat lakaran isi dan plot tidak berupaya mendapat markah yang tinggi.

Dapatan juga menunjukkan bahawa segelintir pelajar berasa agak kurang selesa berlakon semasa sesi drama. Sekali lagi, hal ini ada kaitan dengan keyakinan diri dan tahap keselesaan pelajar berdepan dengan khalayak ramai. Hal ini amat berkaitan dengan kepentingan aspek Amalan Pengajaran Singapura (STP) yang menyentuh tentang pentingnya mewujudkan budaya positif di bilik darjah. Guru perlu membina kepercayaan dan keyakinan para pelajar supaya aktiviti drama dapat melibatkan lebih banyak penyertaan dan pelajar berasa seronok belajar dalam situasi yang tidak mengancam. Secara keseluruhan, hampir semua pelajar mendapati pengajaran dan pembelajaran (PdP) berkesan dan menyeronokkan.

KESIMPULAN

Dapatan kajian pengajaran ini amat memberangsangkan. Walaupun proses mengajar penulisan agak rumit dan mengambil masa yang panjang, tetapi pengkaji puas hati melihat pencapaian pelajar. Namun begitu, ada juga pelajar lemah yang memerlukan sokongan untuk lebih cemerlang dalam penulisan karangan naratif. Hal ini membuktikan bahawa inovasi dalam PdP harus terus dilaksanakan. Guru-guru harus bersikap reflektif dan memikirkan semula amalan yang direncanakan dalam bilik darjah dan merujuk pada STP agar pengajaran terus inovatif dan relevan. Secara syumul, pembelajaran yang autentik dan tersusun seperti yang terdapat dalam pakej penulisan naratif ini berupaya untuk menaik taraf prestasi pelajar. Pelajar-pelajar pula perlu diajak untuk memikirkan isu-isu yang kompleks agar dapat meningkatkan lagi kemahiran penyelesaian konflik dan meningkatkan keyakinan mereka dalam mengatasi isu sosial dan emosi sekaligus mencipta keunggulan kecemerlangan dalam pembelajaran mereka.

RUJUKAN

Freeman, D.E., & Freeman, Y.S. (2006). Teaching language through content themes: Viewing our world as a global village. In T.A. Young & N.L. Hadaway (Eds.), Supporting the literacy development of English learners: Increasing success in all classrooms (pp. 61–78). Newark, Del.: International Reading Association.

Gardner, H. (2006). Multiple Intelligences. New horizons. New York: Basic Books.



- Mayer, R.E. (2001). *Multimedia learning*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Peregoy, S. F., Boyle, O., & Peregoy, S. F. (2005). *Reading, writing, and learning in ESL: A resource book for K-12 teachers*. Boston: Pearson/Allyn and Bacon.
- Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan pengajaran Singapura*. Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd.
- Ritchhart, R., Church, M., & Morrison, K. (2011). *Making thinking visible: How to promote engagement, understanding, and independence for all learners*. San Francisco: Jossey-Bass.

